

# 4 Julai keputusan Dr M batal saman

BH - 16/6/2007

Oleh Munira Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi semalam menetapkan 4 Julai ini untuk keputusan permohonan Tun Dr Mahathir Mohamad bagi membatalkan saman fitnah Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadapnya berhubung dakwaan bekas timbalannya seorang homoseksual.

Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Tengku Maimun Tuan Mat menetapkan tarikh itu selepas mendengar hujah Datuk V K Lingam bagi pihak Dr Mahathir, dan peguam Anwar, Raja Aziz Addruse.

Dalam hujahnya, Lingam berkata, saman yang dikemukakan Anwar bersifat skandal dan menyusahkan, kerana sudah ada keputusan mahkamah sebelum ini yang mendapati plaintif terbabit dalam homoseksual.

Selain itu, katanya, kata-kata yang didakwa memfitnah itu dinyatakan oleh Dr Mahathir dalam penjelasan kepada media ketika sidang akhbar pada 22 September 1999, selepas disoal mengenai pelucutan jawatan Anwar.

"Saman seumpama ini pernah difailkan defendan pada 1999, tetapi dibatalkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi ketika itu, Datuk Kamalanathan Rat-

nam, berdasarkan sabitan bagi kesalahan meliwat Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dan Dr Munawar Ahmad Anees.

"Malah keputusannya itu juga disokong sebulat suara oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

"Dalam saman pada 1999, Mahkamah Tinggi mendapati defendan mempunyai justifikasi dan keistimewaan bersyarat untuk mengeluarkan kenyataan berkenaan kepada media berdasarkan jawatannya sebagai Perdana Menteri ketika itu," katanya.

Hujahnya, seseorang yang mendakwa difitnah perlu membuktikan sejauh mana beliau mengalami kerugian.

**“Hanya mahkamah mempunyai hak untuk menentukan sama ada ia benar-benar justifikasi atau keistimewaan bersyarat”**

**Raja Aziz Addruse**  
Peguam Anwar